

ALAM WANITA

Mahar atau Mas Kahwin

“Hikmah mas kahwin untuk perempuan ialah supaya ia redha dikuasai oleh lelaki, dan pada yang demikian, satu kehormatan baginya.” – Muhammad ‘Abduh

Di kalangan puteri-puteri kita masih banyak yang belum mengetahui kedudukan mahar atau mas kahwin dan dipandang sebagai perkara kecil. Pada hal kalau diselidiki dengan bersungguh-sungguh akan kedapatan soal mas kahwin ini termasuk di dalam bahagian perkara yang mustahak difikirkan, kerana tidak selesainya perkara ini boleh membawa kepada kekusutan dalam masyarakat puteri, yang akhirnya akan menimbulkan kekacauan dalam soal perkahwinan.

Mas kahwin itu ialah pemberian dari lelaki kepada perempuan, yang tidak ada gantinya dengan sesuatu jua pun, bukan pemberian perempuan kepada lelaki.

Ada gadis yang semenjak berkahwin hingga meninggalnya tidak mengetahui berapa mas kahwin yang diberikan oleh suaminya, untuknya. Yang demikian itu ada kalanya disebabkan ketika ia berkahwin, mas kahwin itu dijadikan hutang; dan sesudah menjadi suami isteri, si suami tidak merasa lagi berhutang mas kahwin kepada isterinya.

Elok juga dijelaskan tentang mas kahwin dalam Islam. Boleh dikatakan agama-agama lain atau peraturan-peraturan lain, kalah dengan Islam tentang soal mas kahwin ini.

Islam mewajibkan lelaki memberi mas kahwin kepada perempuan, kewajipan yang tak dapat ditakwil lagi, yakni wajib yang tegas dan diharamkan lelaki mengambil mas kahwin yang diberikan itu, kalau tidak dengan redha atau izin isterinya.

Di dalam *al-Qur’ān al-Karīm* soal ini telah dijelaskan demikian: *Wa’atū al-nisā’ a ṣaduqātihinna liniḥlah. (al-Nisā’, 4)*. Ertinya: “Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kahwin mereka, sebagai satu pemberian yang wajib”.

“*Niḥlah*” menurut erti bahasa, iaitu pemberian yang tidak ada pergantian di sebaliknya. Tetapi setengah ahli-ahli fiqh mengertikan “mahar” itu ialah harga untuk bersenang-senang. Paham ini dibantah oleh al-Ustādh al-Imām al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh, Mufti Mesir. Antara lain beliau berkata: “Bukan sedemikian itu! Sesungguhnya perhubungan suami isteri itu, lebih tinggi dan lebih mulia daripada perhubungan antara seorang lelaki dengan hamba perempuan; Oleh kerana itu, Allah ‘*Azzā wa Jallā* tegaskan: “*niḥlah*” (baca: nihlah). Yang mustahak diperhatikan ialah pemberian itu adalah satu daripada tanda-tanda kasih, perhubungan kerabat, mempercayakan kasih sayang yang sebenar-benarnya dalam segala segi, dan mas kahwin itu wajib yang



Sebilangan dari pelajar-pelajar puteri 'Madrasah al-Ulūm al-Shar'īyah' Batu 20', Bagan Dato', Perak; bergambar ramai untuk kenang-kenangan bagi menyambut Hari Kemerdekaan Tanah Melayu. Gambar kiriman Ikhwan: 134.

tegas, yang tidak boleh ditawar lagi seperti halnya si pembeli dan si penjual. Dan lagi dapat dilihat daripada kebiasaan yang kerap kali berlaku, bahawa mas kahwin itu belum memadai menjadi pemberian kepada perempuan, lalu ditambah lagi dengan beberapa hadiah dan pemberian barang-barang yang mahal-mahal harganya.”

Pada tempat lain, al-Marhum al-'Alāmah Muḥammad 'Abduh berkata lagi”

“Hikmah mas kahwin untuk perempuan ialah supaya ia redha dikuasai oleh lelaki, dan pada yang demikian, satu kehormatan baginya.”

Pada zaman Jahiliyyah, pengawas anak-anak perempuan yatim itu, suka mengambil mas kahwin untuk dirinya, bukan untuk anak perempuan tadi. Yang demikian ini

dilarang oleh Tuhan akan pengawas-pengawas kaum Muslimin melakukannya, kecuali kalau diredhai atau diizinkan oleh perempuan.

Mengenai hal ini, Tuhan *Azzā wa Jallā*, berfirman:

Fa in ṭibna lakum 'an shay'in minhu nafsān fa kulūhu hanī'an mmarī'an (al-Nisā', 4).

Ertinya: ”Tetapi jika mereka berikan kepada kamu sebahagian daripadanya dengan redha hati mereka, bolehlah kamu makan dia dengan senang hati lagi sentosa.”

Demikian kedudukan mahar atau mas kahwin itu di dalam Islam.